

UUM ONLINE: Pusat Kokurikulum, Universiti Utara Malaysia (UUM), akan memperkemaskan kursus-kursus yang ditawarkan dalam usaha membentuk dan memperkasakan rohani dan jasmani mahasiswa UUM.

Menurut Pengarah Kokurikulum yang baru, Syamsul Anuar Che Mey, kokurikulum yang ditawarkan oleh UUM berbeza berbanding universiti yang lain kerana kursus yang diambil oleh mahasiswa akan dikira jam kredit.

"Kursus kokurikulum yang diambil mahasiswa UUM adalah sama penting seperti mereka mengambil kursus akademik kerana ia melibatkan jam kredit," katanya.

Menyentuh mengenai perancangannya, beliau akan meneliti serta mengkaji kursus-kursus yang kurang berkesan dan mengantikannya dengan kursus-kursus yang baru dalam memantapkan insaniah mahasiswa.

"Perancangan ini ialah salah satu usaha membentuk keterampilan unggul dalam diri mahasiswa apabila mereka melangkah keluar untuk berhadapan masyarakat dan sentiasa berkeyakinan tinggi apabila bekerja kelak," tambahnya lagi ketika ditemui selepas Majlis Serah Tugas Pengarah Pusat Kokurikulum di Bilik Mesyuarat Sri Delima, Bangunan Canselor, sebentar tadi.

Sementara itu, Prof Madya Izham Shafie berkata, beliau melahirkan keyakinan terhadap kemampuan Syamsul Anuar dalam menguruskan Pusat Kokurikulum.

"Saya yakin beliau akan dapat bekerjasama dengan staf kokurikulum serta tidak akan menghadapi masalah dalam tugas yang diberikan, ini memandangkan beliau mempunyai pengalaman dan berpengetahuan luas dalam selok belok kokurikulum di universiti ini," tambahnya

Majlis Serah Tugas Pengarah Pusat Kokurikulum itu disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my